

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**PROSEDUR RAYUAN KADAR BON JAMINAN BAGI ORANG KENA TANGKAP
DAN BARANG-BARANG KES YANG DIRAMPAS ATAU DISITA DI BAWAH
KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN ENAKMEN MINERAL NEGERI
KELANTAN 2001**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 4 Tahun 2021 yang bersidang pada 24 Februari 2021 melalui Kertas Bil. 04/2021/D 1 (149) telah membuat keputusan bersetuju meluluskan Prosedur Rayuan Kadar Bon Jaminan Bagi Orang Kena Tangkap dan Barang-Barang Kes Yang Dirampas atau Disita Di Bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 [Akta 56/1965] dan Enakmen Mineral (EM) Negeri Kelantan 2001 [Enakmen No.5/2001].


2. Pekeliling ini juga adalah kesinambungan daripada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 14/2020 bertarikh 6 Oktober 2020 berkenaan kadar bon jaminan bagi orang yang ditangkap dan barang-barang kes yang dirampas/disita di bawah KTN 1965 dan EM 2001.
3. Bon jaminan yang ditawarkan adalah sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 14/2020.
4. Secara dasarnya, bon jaminan yang ditawarkan adalah tetap dan tidak boleh dipertimbangkan sebarang rayuan melainkan difikirkan wajar dalam kes-kes tertentu oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

5. Prosedur rayuan kadar bon jaminan adalah sebagaimana di bawah:-

2. PROSEDUR RAYUAN KADAR BON JAMINAN

- 2.1 Hanya Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan sahaja diberi kuasa untuk menimbang dan mengurangkan jumlah bon jaminan yang ditawarkan.
- 2.2 Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan hanya boleh mengurangkan jumlah bon jaminan tidak kurang RM 2,000.00 bagi setiap Orang Kena Tahan. Manakala bagi bon jaminan barang kes, pengurangan bon jaminan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan hendaklah tidak kurang RM 2,000.00 bagi setiap jentera dan tidak kurang daripada 20% daripada harga nilai semasa yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi barang-barang bukan jentera.
- 2.3 Semua pengurangan bon jaminan hendaklah direkodkan dan dinyatakan alasan-alasan pengurangan dalam buku daftar rekod pengurangan bon jaminan.
- 2.4 Bon jaminan menggunakan satu geran tanah tidak terhad kepada satu kes sahaja tetapi ia dibenarkan bagi kes-kes yang berbeza mengikut nilai tanah yang dicagarkan dengan syarat:
- (a) Bon jaminan tersebut untuk Orang Kena Tahan yang sama bagi tiap-tiap kes.
 - (b) Bon jaminan hanya akan diserahkan apabila kesemua kes yang disiasat telah diselesaikan (sama ada diputuskan tiada kes, kompaun dijelaskan atau kes pendakwaan telah disempurnakan).

3. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN

BERTARIKH: 12 APRIL 2021
NO. FAIL : PTG.KN.18/7/2